

BNM kekalkan OPR pada 2.75 peratus

PETALING JAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75 peratus dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) semalam, sejajar dengan jangkaan pasaran ketika ekonomi global terus berdepan ketidakpastian luaran.

Kali terakhir bank pusat itu melaraskan OPR adalah pada Julai 2025 apabila kadar berkenaan diturunkan daripada tiga peratus sebagai langkah awal menyokong pertumbuhan ekonomi susulan cabaran luaran.

BNM berkata, pertumbu-

han ekonomi global kekal stabil pada suku pertama 2026, disokong permintaan domestik yang mampan serta perkembangan sektor teknologi.

“Pertumbuhan global terus berdaya tahan pada suku pertama 2026, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan perkembangan teknologi global.

“Bagaimanapun, peningkatan mendadak harga tenaga dan komoditi selain gangguan rantaian bekalan akibat konflik Asia Barat mula menjejaskan momentum pertumbuhan global.

“Risiko pertumbuhan yang

lebih perlahan kekal tinggi susulan ketidakpastian berkaitan tempoh dan tahap konflik, keadaan kewangan global yang lebih ketat serta kebimbangan terhadap penilaian dalam pasaran kewangan,” katanya dalam kenyataan.

Menurut BNM, prospek pertumbuhan global boleh bertambah baik sekiranya konflik mereda sekali gus memperkukuh semula rantaian bekalan, selain disokong peningkatan perbelanjaan teknologi dan langkah dasar yang menyokong pertumbuhan di negara maju.

“Bagi Malaysia, petunjuk ter-

kini menunjukkan momentum pertumbuhan ekonomi terus berkembang pada suku pertama tahun ini, didorong permintaan domestik yang mampan serta pertumbuhan eksport yang kukuh.

“Pada masa hadapan, ketidakpastian berkaitan tempoh dan tahap konflik Asia Barat akan mempengaruhi prospek pertumbuhan serta inflasi domestik.

“Namun, asas ekonomi Malaysia yang kukuh akan terus menyokong daya tahan ekonomi negara. Keadaan guna tenaga, pertumbuhan upah dan langkah dasar sedia ada akan

terus menyokong perbelanjaan isi rumah,” ujarnya.

Mengulas inflasi, bank pusat itu berkata, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing mencatat purata 1.6 peratus dan 2.1 peratus pada suku pertama 2026.

Katanya, harga komoditi global yang lebih tinggi susulan konflik Asia Barat dijangka meningkatkan tekanan kos domestik dan menyebabkan inflasi meningkat sedikit.

“Bagaimanapun, kesan konflik terhadap inflasi keseluruhan dan inflasi teras pada 2026 dijangka kekal terkawal,” katanya.